

Belacan guna logo halal tidak sah dilupuskan

MELAKA TENGAH - Belacan buatan tempatan yang menggunakan logo halal tidak sah antara barang rampasan yang dilupuskan oleh Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) negeri di stor eksibit di Krubong di sini kelmarin.

Turut dilupuskan ialah pakaian pelbagai berjenama, arak tiruan, kasut dan cakera video digital (DVD) membabitkan 11 kes di bawah Akta Perihal Dagangan 2011 dan satu lagi di bawah Akta Cap Dagangan 2019 bermula awal tahun ini.

Pengarah KPDNHEP Melaka, Norena Jaafar ber-

kata, kesemua barang yang dilupuskan terbabit bernilai RM360,000.

“Pelupusan dilaksanakan selepas mendapat perintah mahkamah atas pelbagai kesalahan termasuk menggunakan logo halal tidak sah,” katanya pada sidang akhbar di sini kelmarin.

Hadir sama, Ketua Pegawai Penguat kuasa KPDNHEP negeri, Muhamad Aizudin Mohd Said.

Beliau berkata, sebanyak RM750,000 nilai rampas membabitkan 121 kes telah dilupuskan di stor itu sepanjang tahun lalu.

Dalam perkembangan lain, Norena berkata, pihak-

nya mengesan tiga premis membabitkan farmasi, stesen minyak dan kedai runcit di sekitar Melaka Tengah yang menjual topeng muka lebih tinggi daripada harga kawalan iaitu RM1 seunit berbanding 80 sen sebelum kes koronavirus.

Menurutnya, pihaknya turut menafikan bekalan topeng muka disorokkan memandangkan kesukaran pengguna untuk mendapatkannya pada masa kini.

“Setakat ini kita tidak menerima aduan mengenai itu tapi kalau ada pengguna boleh memberikan maklumat untuk pihak kami mengambil tindakan sewajarnya,” katanya.



Norena (kiri) dan Muhamad Aizudin menunjukkan belacan yang menggunakan logo halal tidak sah ketika pelupusan barang rampasan di Krubong kelmarin.

HARI :	:	RABU
TARIKH :	:	12/2/2020
ANSURAT :	:	31